

02 JUL 1999

PM BERLEPAS PULANG KE IBU NEGARA

PULAU PINANG, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari ini berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Pulau Pinang selepas mengadakan lawatan dua hari ke negeri ini sejak semalam.

Beliau berlepas pada kira-kira pukul 12.35 tengah hari dengan menaiki pesawat khas selepas menghadiri majlis perasmian bangunan baru PG8 Intel Technology Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas pagi ini.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Haji Omar dan para exco kerajaan negeri.

Semalam, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dengan anggota badan perhubungan Umno Negeri serta Ketua-ketua Pemuda dan Wanita bahagian Umno serta menikmati jamuan tengah hari bersama-sama pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) di Penang Golf Resort, Bertam.

Beliau juga melawat projek pertanian di Lembah Raja, Seberang Perai Utara sebelum menghadiri perhimpunan bersama rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Perahu, Bukit Mertajam pada sebelah petangnya.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir juga menghadiri perhimpunan bersama rakyat di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di Relau.

-- BERNAMA

ZU RHM